

05/10/1999

Formula DEB diteruskan

Saodi Mat Atar in Victoria Falls (Zimbabwe)

VICTORIA FALLS (ZIMBABWE), Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan Malaysia tidak akan berganjak dengan formula pembangunan berasaskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) dalam usaha memperkasakan ekonomi dan memenuhi agenda sosial serta politik rakyat berbilang kaum.

Perdana Menteri berkata, formula itu ternyata bukan saja mampu memakmurkan negara dalam tempoh tiga dekad lalu, malah langkah penyusunan semula masyarakat menerusi DEB dapat mengagihkan kekayaan secara lebih adil.

"Kejayaan itu tidak menyenangkan pihak di luar negara, termasuk Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan agensi serta media Barat.

"Tapi kami tidak akan mengetepikan formula ini semata-mata kerana IMF atau media Barat. Kami percaya kami akan terus membangun berdasarkan objektif DEB.

"Apatah lagi sekarang ini pun kami sudah mampu mengatasi percubaan untuk memusnahkan ekonomi kami dan kebebasan negara," katanya ketika berucap pada Dialog Antarabangsa Afrika Selatan (Said) '99 di tebing Sungai Zambezi di sini, malam ini.

Dalam ucapan bertajuk Pengalaman Malaysia Mengurus Pemulihan Ekonomi Sambil Melindungi Tanggungjawab Sosio Ekonominya, Dr Mahathir turut menghuraikan secara terperinci bagaimana DEB diperkenalkan, selain tindakan demi tindakan yang diambil Malaysia bagi mengekang serangan ke atas ringgit.

Beliau memulakan ucapannya dengan memberi latar belakang penduduk berbilang kaum di Malaysia yang memerlukan perancangan teliti bagi membantu masyarakat Bumiputera agar dapat bersaing dengan kaum lain.

Dr Mahathir juga mengimbas rusuhan kaum 1969 yang didorongi perbezaan ekonomi antara penduduk berlainan bangsa berikutan masyarakat Bumiputera ketinggalan dalam perkongsian kekayaan negara.

Peristiwa hitam itu membawa kepada langkah mewujudkan program pembangunan seperti DEB yang membuka laluan kepada penyertaan Bumiputera dalam kegiatan utama ekonomi, selain orang Cina dan India diberi peluang menyertai kerajaan.

Perdana Menteri berkata, DEB berjaya mengurus masalah hubungan kaum apabila negara melalui tiga dekad lalu dengan stabil sehinggakan krisis ekonomi disebabkan tekanan mata wang baru-baru ini, tidak mencetuskan rusuhan seperti di tempat lain di Asia Tenggara.

"Tapi serangan ke atas mata wang dan pasaran saham Malaysia merosakkan perancangan teliti pengagihan semula kekayaan ekonomi. Jika ekonomi negara tidak diletakkan semula di landasan pertumbuhannya, masalah kaum boleh timbul dan Malaysia menjadi tidak stabil," katanya.

Antara langkah yang diambil ialah penyusunan semula sektor bank dan korporat, meningkatkan eksport dan mengurangkan import, kawalan harga barangan, peningkatan keluaran makanan, penurunan rizab bank sehinggalah kepada tindakan paling popular, iaitu kawalan tukaran asing dan pemberhentian operasi bursa saham tidak rasmi Singapura - Central Limit Order Book (Clob).

Katanya, langkah paling penting ialah menghampakan pedagang mata wang dan menamatkan amalan jualan jangka pendek di Clob kerana dapat memberi kesan segera sehingga simpanan luar negara meningkat daripada AS\$20 bilion (RM76 bilion) kepada AS\$32 bilion (RM121.6 bilion).

Selain itu, indeks pasaran saham melonjak, pinjaman bank meningkat

semula, pasaran kenderaan dan hartanah semakin pulih, di samping infrastruktur dapat diteruskan.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, Malaysia terpaksa bangun semula daripada keruntuhan disebabkan kegiatan spekulasi mata wang kerana golongan Bumiputera yang kebanyakan baru bertapak dalam kegiatan ekonomi, terjejas teruk.

Malangnya, Perdana Menteri berkata, langkah memperkasakan ekonomi di Malaysia sudah dilabelkan IMF dan media Barat sebagai kronisme kerana kononnya hanya memberi kekayaan kepada keluarga dan kawan rapat kerajaan terutama beliau.

Walhal, katanya, DEB bukan saja memberi faedah kepada Bumiputera malah sesetengah bukan Bumiputera dan kekayaannya bergantung kepada kesungguhan masing-masing merebut peluang.

"Oleh kerana program ini membuahkan kejayaan, ahli perniagaan Bumiputera yang kaya didakwa menjadi kroni kerajaan. Maka, orang luar mendesak program ini dihentikan, sedangkan ia sebenarnya hanya akan mewujudkan ketidaksamaan kaum.

"Sebenarnya, orang asing tidak menyukai dasar ini kerana projek penswastaaan paling menguntungkan akan diberi kepada usahawan Bumiputera bagi mengimbangi kekayaan kaum lain.

"Dasar ini sebenarnya menyekat peluang orang asing mendapat projek penswastaaan itu. Inilah sebenarnya kepentingan mereka dalam matlamat mereka mahu memonopolinya di seluruh dunia," katanya.

Dr Mahathir menegaskan Malaysia tidak akan mengetepikan DEB kerana pengurusan ekonomi sesebuah negara bukan bertujuan mencapai kekayaan semata-mata, tetapi ia hendaklah diagihkan dengan adil.

(END)